

Kempen pilihan raya perlu kekal dalam perhimpunan terhadap

UM 28 SEP 2003

KUALA LUMPUR 27 Sept. — Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kempen pilihan raya umum akan datang perlu kekal dalam bentuk perhimpunan secara terhadap yang diamalkan dalam beberapa pilihan raya lepas.

Menurutnya, cara itu lebih menjamin keselamatan dan bukan mustahil untuk diteruskan kerana ia telah diterima oleh parti kerajaan dan pembangkang.

“Kalau dahulu kita boleh terima cara kempen terhadap dan kempen dari rumah ke rumah yang lebih selamat, jadi mengapa kita mahu tukar kepada rapat umum yang belum tentu dapat menjamin keselamatan,” katanya.

Muhyiddin memberitahu demikian kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Minggu Perbankan Islam dan Takaful 2003, anjuran Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz Isnin lalu yang tidak bersetuju dengan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) membenarkan rapat umum diadakan semasa kempen pilihan raya umum akan datang.

“Saya rasa kita tak boleh jamin keadaan selamat kerana segala-galanya di luar kawalan

dan bila ada rapat umum macam-macam jenis orang yang hadir mungkin dari mana-mana dan kita kluatir akan berlaku sabotaj hingga tidak tenteram.

“Katalah orang baling batu ke arah seseorang dan orang akan panik dan keadaan boleh menjadi buruk hingga ada orang kena pijak. Tidak semestinya itu perbuatan penyokong politik dan janganlah kita sengaja menempah perkara yang boleh memudaratkan,” katanya.

Muhyiddin menambah, pendirian Wanita UMNO itu adalah sama dengan beberapa kenyataan yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut seperti yang disuarakan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad minggu lalu.

“Saya sendiri (secara peribadi) merupakan orang yang terawal mengeluarkan kenyataan tidak bersetuju untuk membenarkan rapat umum kerana walaupun ia memenuhi tuntutan demokrasi, tetapi demokrasi di negara kita mempunyai acuan tersendiri yang mementingkan keselamatan,” tegasnya.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, rakyat dan pemimpin politik mesti sedar bahawa tanpa membenarkan rapat umum pada beberapa pilihan raya umum yang

lalu, ia tidak pula dicabar di mahkamah.

Menurutnya, sistem pilihan raya umum di negara ini tanpa rapat umum itu tidak menjejaskan demokrasi dan semua pihak sewajarnya perlu meletakkan kepentingan keselamatan daripada memenuhi tuntutan demokrasi semata-mata.

“Apabila tidak dicabar di mahkamah kerana tidak adanya rapat umum pada pilihan raya terdahulu, membuktikan kita sudah menerimanya dan perlu dikekalkan.

“Malah tanpa rapat umum juga pembangkang (Pas) berjaya menawan dua buah negeri (Kelantan dan Terengganu) pada pilihan raya umum dahulu (1999) dan sebagai menghormati proses demokrasi kita iktiraf kemenangan pembangkang itu,” katanya.

Isu rapat umum menjadi polemik apabila Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman minggu lalu menyatakan rapat umum boleh diadakan semula pada pilihan raya umum akan datang dengan syarat mendapat permit polis.

Menurutnya, langkah itu adalah mengikut peruntukan yang ada, sekali gus membuktikan ketelusan SPR menjalankan tugas supaya semua parti bertanding dapat menyampaikan mesej kempen menerusi rapat umum.